

Nik Aziz dakwa banyak isu boleh diketengahkan

UM 17 SEP 2000
KOTA BHARU 16 Sept. — Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mendakwa Pas mempunyai banyak isu untuk diketengahkan pada pilihan raya umum akan datang bagi memastikan ia terus memerintah Kelantan dan Terengganu.

Beliau berkata, isu paling besar yang akan digunakan ialah mengenai asas pemerintahan Malaysia sekarang yang tidak Islamik kerana berlandaskan kepada demokrasi Barat.

"Saya boleh katakan bahawa Pas bukan sahaja akan terus memerintah dua negeri ini, malah kita berpeluang untuk menawan negeri-negeri lain termasuk Kedah kerana terdapat banyak isu yang boleh digunakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Kesyukuran Pasukan Kadet Polis Maahad Muhammadi Lelaki di Kota Darulnaim di sini hari ini.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa UMNO Kelantan mempunyai peluang cerah untuk merampas semula negeri ini pada pilihan raya umum akan datang jika dapat mengeksploitasi kelemahan ketara Pas sekarang.

Perdana Menteri berkata, aset utama UMNO ke arah kemenangan itu terletak kepada kelemahan Pas dalam pentadbiran negeri, masalah kekeringan isu dan memungkiri janji untuk menerangkan kepada rakyat bentuk negara Islam yang dicanangkan oleh parti itu.

Menurut Nik Abdul Aziz, dakwaan bahawa Pas telah memungkiri janji adalah tidak berasas kerana parti itu tidak pernah berjanji untuk membina jambatan, sekolah dan hospital.

"Kita tidak pernah berjanji untuk melaksanakan projek besar tersebut kerana tahu bahawa sebagai negeri di bawah Persekutuan Malaysia, maka semua projek berkenaan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat," jelasnya.